

Anonymous dakwa godam portal KKM, Kerajaan Johor

This site has **been touched** by **DarkArmy** #OpsWakeUp21

Dear sysadmin, this site is vulnerable!
If you care about this site, please take an action to patch security!
I am not leaking any of your data from this site, so don't worry about that
if you want to know where and how this site can be hacked just contact me :)

ANONYMOUS Malaysia sekali lagi mencetuskan kebimbangan apabila mendakwa telah menggodam portal Kementerian Kesihatan (KKM) dan Kerajaan Johor selain empat portal pendidikan iaitu Politeknik Melaka, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Idris Shah dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) semalam.

» BERITA DI MUKA 3

Penggodam beri masa pihak berkaitan kemas kini sebelum digodam sekali lagi

Enam lagi laman web kena serang

Oleh SYED MOHD. HAZIQUE
SYED NOR

PETALING JAYA – Enam laman web termasuk Kementerian Kesihatan (KKM) didakwa diceroboh penggodam yang menggelarkan diri mereka sebagai Dark Army semalam.

Selain KKM, lima laman web yang menjadi sasaran terbaharu penggodam tersebut adalah Kerajaan Negeri Johor, Politeknik Melaka, Politeknik Ungku Omar, Politeknik Sultan Idris Shah dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Perkara itu dimaklumkan menerusi satu hantaran yang dimuat naik menerusi laman Facebook Anonymous Malaysia pada pukul 12 tengah malam.

Dalam hantaran itu, penggodam tersebut memberi masa kepada pihak berkaitan supaya mengemas kini sistem sebelum mengancam akan digodam

sekali lagi.

“Untuk Sysadmin, tolong kemas kini sistem anda sebelum dicop (diserang) lagi. Dark Army memberi anda 24 jam sebelum diserang sekali lagi,” katanya.


Tinjauan di laman-laman web itu mendapati ia boleh diakses dan beroperasi seperti biasa.

Kosmo! sebelum ini melaporkan, Anonymous Malaysia memberi amaran akan menyerang laman web kerajaan menerusi video yang dimuat naik pada 25 Januari lalu.

Amaran itu dibuat selepas lima tahun kumpulan penggodam itu berdiam diri.

Anonymous Malaysia kemudian mengeluarkan amaran kedua pada 30 Januari lalu.

Penyerang itu mengotakan janji mereka apabila mendakwa menggodam empat laman web termasuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia kelmarin.



KENYATAAN amaran yang dimuat naik di Facebook Anonymous Malaysia semalam.